

Najib gagal halang Sri Ram ketuai pihak pendakwa

BH - 2/3/2019 m/s: 19

➔ **Kebimbangan pendakwaan berat sebelah hanya spekulasi: Hakim**

Oleh **Ahmad Johari Mohd Ali**
ajohari@bharian.com.my

► **Kuala Lumpur**

Datuk Seri Najib Razak gagal mendapatkan perintah Mahkamah Tinggi supaya Datuk Seri Gopal Sri Ram tidak dibenarkan mengetahui pendakwaan kes pengubahan wang haram membabitkan syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB).

Hakim Mahkamah Tinggi, Collin Lawrence Sequerah, menolak permohonan bekas Perdana Menteri itu yang difailkan melalui notis usul selepas mendapati dakwaan pelantikan Sri Ram boleh menyebabkan

berlakunya pendakwaan berat sebelah, hanya spekulasi semata-mata.

Sequerah dalam penghakimannya, berkata dakwaan Najib bahawa pelantikan Sri Ram selaku Pendakwa Raya Kanan mengetahui pasukan pendakwaan boleh menyebabkan konflik kepentingan terhadap kes jenayah dihadapinya, juga tidak dapat dibuktikan,

Tiada sebarang bukti

Katanya, tidak ada sebarang bukti berhubung dakwaan bahawa Sri Ram terbabit dalam siasatan kes jenayah 1MDB membabitkan pemohon (Najib) oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM).

“Kebimbangan keterlaluan pemohon terhadap pendakwaan berdasarkan kepada spekulasi semata-mata dan bukannya membabitkan salah laku pendakwaan yang sebenar.

“Selepas menimbang fakta, saya mendapati tiada asas yang boleh menyebabkan orang awam berfikir dengan munasabah akan merumuskan bahawa pemohon tidak akan mendapat perbicaraan adil jika Sri Ram mengetahui pendakwaan.

“Jadi, saya dapati tiada alasan bahawa Sri Ram akan bertindak berat sebelah (dalam mengendalikan kes ini). Sehubungan itu, permohonan notis usul ini ditolak,” katanya.

Najib memfailkan notis usul pada November tahun lalu dengan menamakan Pendakwa Raya sebagai responden.

Beliau memohon perintah supaya Mahkamah Tinggi membatalkan kelayakan Sri Ram daripada terus bertindak selaku Pendakwa Raya Kanan dalam kes 1MDB dihadapinya.

Najib juga memohon perintah supaya Pendakwa Raya mengemukakan kepadanya, salinan surat pelantikan Sri Ram sebagai Pendakwa Raya mengikut Seksyen 376(3) Kanun Acara Jenayah (KAJ).

Pada 20 September lalu, Najib didakwa atas 25 tuduhan, iaitu empat tuduhan salah guna kedudukan membabitkan rasuah dan 21 kegiatan pengubahan wang haram membabitkan nilai kira-kira RM2.3 bilion.

Dia yang juga Ahli Parlimen Pekan, didakwa atas empat tuduhan rasuah sebagai Pegawai Badan Awam iaitu Perdana Menteri, Menteri Kewangan dan

Pengerusi Lembaga Penasihat 1MDB, menggunakan kedudukannya bagi mendapatkan rasuah bagi dirinya sendiri.

Permohonan tangguh perbicaraan ditolak

Sementara itu, Sequerah berkata, Seksyen 376 (3) KAJ tidak memperuntukkan bahawa surat pelantikan Sri Ram sebagai Pendakwa Raya perlu dibuat secara bertulis dan hendaklah dikemukakan kepada pihak pembelaan jika diminta.

Katanya, tidak ada sebarang keperluan melalui peruntukan itu yang menyatakan bahawa pelantikan terbabit hendaklah diwartakan.

Peguam, Tan Sri Muhammad Shafee Abdullah yang mewakili Najib kemudian memohon mahkamah untuk menangguhkan perbicaraan kes anak guamnya yang dijadualkan pada 12 April ini kerana pihaknya akan mengemukakan rayuan.

Bagaimanapun Sequerah menolak permohonan berkeajaan.

Dalam prosiding semalam, pendakwaan diwakili Timbalan Pendakwa Raya, Ahmad Akram Gharib.